


SISTEM PELINCIRAN

INJAP PELEGA TEKANAN.

Fungsi :

Injap pelega tekanan dipasang dalam sistem pelinciran adalah untuk menghalang pam minyak pelincir dari mengeluarkan tekanan yang berlebihan dari had yang diperlukan.


- a) Tekanan dalam sistem pelinciran adalah bergantung kepada kelajuan pam yang berpusing.
- b) Semakin laju pam berpusing, semakin tinggilah tekanan yang dihasilkan dalam sistem pelinciran.
- c) Atas alasan inilah injap pelega diperlukan dalam sistem pelinciran.
- d) Injap pelega biasanya terletak di ruang antara tekanan dengan sedutan dalam pam.
- e) Terdiri daripada satu spring dan alas bebola atau satu spring dengan pelocok.



Kendalian Injap Pelega.

Spring yang digunakan pada injap pelega ini mempunyai ketegangan yang telah ditetapkan.

Apabila tekanan di dalam sistem pelinciran melebihi daripada had ketegangan spring, bebola atau pelocok akan tertolak dan memampatkan spring. Injap akan terbuka dan minyak pelincir akan masuk semula ke takungan minyak. Dengan ini tekanan didalam sistem pelinciran dapat dikurangkan.



PENAPIS MINYAK PELINCIR.

- a) Mendakan karbon, habuk dan debu mungkin masuk ke dalam minyak pelincir semasa injin sedang bergerak/berpusing.
- b) Kekotoran yang ringan mungkin bergerak bersama minyak pelincir ke bahagian-bahagian injin yang bergerak menyebabkan kehausan berlebihan yang tidak diinginkan.
- c) Penapis minyak pelincir akan menapis segala kekotoran yang terdapat didalam minyak pelincir.
- d) Terdapat dua jenis penapis minyak pelincir yang biasa digunakan iaitu:-
 - i. Penapis jenis aliran penuh.
 - ii. Penapis jenis aliran pirau.

Penapis Jenis Aliran Penuh

Semua minyak pelincir dari pam akan mengalir melalui penapis sebelum masuk ke alas enjin dan bahagian-bahagian yang bergerak didalam enjin. Sekiranya penapis minyak tersumbat kerana terlalu banyak kekotoran, minyak pelincir dari pam akan terus masuk kebahagian-bahagian bergerak didalam enjin melalui injap "by-pass". Ia tidak melalui elemen penapis.

Apabila injap terbuka minyak pelincir dari pam tidak lagi mengalir ke elemen penapis sebaliknya ia akan terus mengalir kebahagian-bahagian yang bergerak didalam enjin. Jenis inilah yang banyak digunakan. Penapis minyak pelincir hendaklah ditukar pada setiap 8000 km perjalanan bagi kenderaan baru dan 5000 km bagi kenderaan lama.